

30 OCT 1998

MAHATHIR-KEMENTERIAN/I

KEMENTERIAN TENAGA AKAN DIBERI NAMA BARU

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan dinamakan semula sebagai Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkuatkuasa mulai 1 Nov, 1998.

Ketika mengumumkannya hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata menterinya Datuk Leo Moggie, akan menjadi menteri di kementerian baru ini.

Kementerian Penerangan akan melepaskan semua fungsi berkaitan dengan dasar dan aspek kawalan selia penyiaran kepada kementerian baru itu, katanya.

Bagaimanapun, Kementerian Penerangan akan terus bertanggungjawab ke atas pembangunan dan pelaksanaan dasar berhubung dengan penyebaran maklumat kerajaan yang sistematik dan berkesan.

Kementerian itu masih bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengendalian RTM, kata Perdana Menteri.

Menurut Dr Mahathir satu suruhanjaya yang diberi nama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan juga ditubuhkan berkuatkuasa mulai 1 Nov, 1998 dan akan dipengerusikan oleh Dr Syed Hussein Mohamed, yang pernah terlibat dalam bidang perundingan kejuruteraan antara tahun 1993 dan 1998.

Dr Syed, yang memiliki ijazah doktor falsafah dalam kejuruteraan kualiti daripada Birmingham University, meletakkan jawatan sebagai pengarah eksekutif Telekom Malaysia Bhd pada bulan Jun 1993 untuk menubuhkan sebuah syarikat perunding kejuruteraan tetapi kekal sebagai pengarah bukan eksekutif firma kemudahan awam itu.

Pada tahun 1985, beliau telah dilantik sebagai pengarah Sime Darby Bhd, bertanggungjawab bagi semua syarikat kejuruteraan, pengilangan dan perniagaan kumpulan itu di Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata sebuah geran berjumlah RM122 juta akan diberikan oleh kerajaan bagi suruhanjaya tersebut.

Dengan penubuhan suruhanjaya tersebut sebagai sebuah pihak berkuasa kawalan selia tunggal bagi industri telekomunikasi, penyiaran dan komputer, maka Jabatan Telekom Malaysia tidak akan berfungsi lagi.

Bagaimanapun, beberapa fungsi teknikal sekarang akan diambil alih oleh suruhanjaya tersebut, jelas Perdana Menteri.

Fungsi kawal selia Jabatan Pos akan juga disatukan ke dalam fungsi-fungsi suruhanjaya itu beserta dengan tanggungjawab melaksanakan Akta Pengenalan Digital 1997, katanya.

-- BERNAMA

AD KY MA